

## LEGALIZATION OF HEMP AND THE CONTRIBUTION TO JAPANESE ECONOMY<sup>1</sup>

Maszeli Mohammad Wee,<sup>2</sup> Asmadi Hassan,<sup>3</sup> Alias Abdullah<sup>4</sup>

**Abstract:** Recently, the hemp plant has gained worldwide attention due to its great potential. Japan is among the countries that has not fully legalized its usage. Hence it is seen as being left behind to that of the countries who have legalized the plant. Japan is bound by the *Taima Torishimari Hou* (Cannabis Control Act) which stipulates that the hemp should be strictly controlled as it is classified as being part of the cannabis family. Although the demand for hemp products is increasing globally every year, Japan is not able to take advantage. This article examines some aspects of the use of the hemp in Japanese society as well as its potential to contribute to the country's economy. This study employs a qualitative method which is based on primary and secondary sources. The result of the analysis explains the economic opportunities as well as the benefits of legalized hemp usage in Japan. The study found that Japan's national revenue will increase if hemp is fully legalized and it is no longer bound by the *Taima Torishimari Hou*.

**Keywords:** Legalization; Hemp; New Economy; Economy Booster; Taima Torishimari Hou

---

<sup>1</sup> Article history: Submission date: 22 November 2021; Acceptance date: 22 January 2022; Publication date: 15 March 2022.

<sup>2</sup> First and Corresponding Author: Maszeli Mohammad Wee, Post graduate student, Department of East Asian Studies, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya, Kuala Lumpur 50603, Malaysia. Email: maszeliwee\_sbm@yahoo.com

<sup>3</sup> Second Author: Asmadi Hassan, Senior Lecturer, Department of East Asian Studies, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya, Kuala Lumpur 50603, Malaysia. Email: madisan@um.edu.my.

<sup>4</sup> Third Author: Alias Abdullah, Senior Lecturer, Department of East Asian Studies, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya, Kuala Lumpur 50603, Malaysia. Email: dralias@um.edu.my

## LEGALISASI TANAMAN HEMP DAN SUMBANGAN KEPADA EKONOMI JEPUN

**Abstrak:** Sejak akhir-akhir ini tanaman hemp mendapat perhatian seluruh dunia berikutan potensi besar tanaman ini dalam pelbagai sektor seperti makanan, perubatan, industri tekstil dan lain-lain. Antaranya, tanaman hemp mampu menyumbangkan kepada sumber ekonomi negara sekiranya dilegalisasikan sepenuhnya. Jepun antara negara yang tidak melegalisasikan sepenuhnya tanaman hemp, dilihat ketinggalan berbanding negara yang melegalisasikannya. Ini kerana Jepun terikat dengan *Taima Torishimari Hou 1948* (Akta Kawalan Kanabis) yang menetapkan tanaman hemp perlu dikawal dengan ketat kerana ia diletakkan dalam keluarga kanabis. Walaupun permintaan terhadap produk hemp semakin meningkat di seluruh dunia setiap tahun tetapi Jepun tidak dapat diterokai sepenuhnya. Artikel ini membincangkan beberapa aspek kegunaan tanaman hemp dalam masyarakat Jepun dan negara luar serta potensi sumbangan kepada ekonomi Jepun. Kajian ini dijalankan menerusi kaedah kualitatif iaitu analisis dokumen sumber primer dan sekunder untuk menjelaskan peluang ekonomi yang boleh memberi manfaat kepada Jepun jika tanaman hemp dilegalisasikan sepenuhnya. Kajian ini mendapati pendapatan negara akan meningkat jika mengambil langkah untuk melegalisasikan sepenuhnya dan mengeluarkan tanaman ini dari *Taima Torishimari Hou*.

**Kata kunci:** Legalisasi; Tanaman Hemp; Ekonomi Baru; Penggalak Ekonomi; *Taima Torishimari Hou*

---

### PENDAHULUAN

Artikel ini membincangkan potensi sumbangan tanaman hemp kepada peningkatan sumber ekonomi Jepun apabila dilegalisasikan sepenuhnya. Pada masa sekarang kelulusan penanaman hemp adalah terhad di beberapa kawasan Jepun iaitu Prefektur Tochigi dan Hokkaido. Manakala dari segi kegunaan tanaman tersebut pula, tidak semua bahagian pokok boleh diproses kerana terikat dengan Undang-undang Kawalan Kanabis (*Taima Torishimari Ho*) tahun 1948. Walaupun produk hemp mendapat permintaan yang tinggi di Jepun tetapi berikutan sekatan yang dikenakan menyebabkan tanaman ini tidak dapat diperluaskan semaksimum mungkin. Pengkaji berpendapat bahawa penanaman hemp perlu dilegalisasikan sepenuhnya supaya ia dapat memenuhi permintaan tinggi tersebut. Malahan tanaman ini dianggap sebagai serbaguna kerana hampir keseluruhan pokok mempunyai kegunaan, bermula dari akar sehingga ke daun. Oleh itu walaupun Jepun mengeluarkan hemp di prefektur Tochigi dan beberapa kawasan yang lain<sup>5</sup> namun ia terpaksa mengimport dari negara luar terutamanya dari China untuk memenuhi permintaan. Dengan melegalisasikan sepenuhnya tanaman hemp di Jepun akan mampu memenuhi permintaan dalam dan luar negara dan seterusnya akan menyumbangkan kepada pertambahan sumber ekonomi dalam jangka masa pendek dan panjang.

Artikel ini membincangkan tiga perkara berkaitan tanaman hemp. Pertama adalah kekeliruan yang wujud pada tanaman hemp sehingga menyebabkan tanaman tersebut dikawal pengeluarannya, kedua kepelbagaian kegunaan tanaman dan ketiga potensi ekonomi yang boleh diperolehi.

---

<sup>5</sup> Jun Hongo, "Hemp Ok As Rope, Not As Dope", Japan Times, 11 Disember 2007, <https://www.japantimes.co.jp/news/2007/12/11/reference/hemp-ok-as-rope-not-as-dope/>.

## KEKELIRUAN TANAMAN HEMP

Kekeliruan berkaitan tanaman hemp bermula apabila pendudukan Amerika Syarikat di Jepun pada tahun 1945 hingga 1952 mengharamkan penanaman tanaman tersebut. Sepanjang menduduki Jepun, Pemerintah Tertinggi Pihak Berikat, Douglas Mac Arthur mendapati bahawa tumbuhan hemp hidup subur secara meliar dan ada yang ditanam secara komersial<sup>6</sup>. Mac Arthur beranggapan bahawa hemp adalah sama seperti marijuana yang ditakrifkan sebagai kanabis (ganja) di bawah Akta Kanabis 1937 di Amerika Syarikat. Oleh itu beliau telah menggubal *Taima Torishimari Hou* (Akta Kawalan Kanabis) bagi mengharamkan penanaman hemp di Jepun. Berikutan itu, tanaman tersebut dimusnahkan secara besar-besaran apabila berkuatkuasanya undang-undang tersebut pada 7 Julai 1948. Walau bagaimanapun hanya kawasan tertentu diberi pengecualian penanamannya seperti di Kanuma di Prefektur Tochigi. Kebenaran di Kanuma diberi berikutan terdapat gambar Maharaja Hirohito yang melawat ladang hemp di sana setahun sebelum *Taima Torishimari Hou* berkuatkuasa<sup>7</sup>. Mac Arthur juga menggunakan sistem perlesenan bagi tujuan memantau penanaman hemp dan sistem ini masih diguna pakai sehingga sekarang. Oleh itu tanaman hemp yang merupakan tumbuhan serba guna sebelum pendudukan Amerika Syarikat telah dimasukkan dalam keluarga kanabis sehingga membataskan fungsinya.

Selama lebih 70 tahun *Taima Torishimari Hou* berada dalam perundangan dan menjadi teras kepada dasar anti-kanabis Jepun. Tekanan *Taima Torishimari Hou* 1948 telah menyebabkan ramai petani menutup ladang hemp milik mereka<sup>8</sup>. Kesukaran untuk mendapatkan lesen bagi tujuan penanaman menjadi penyebab utama hemp sukar untuk berkembang. Ini menyebabkan Jepun mengalami krisis kekurangan petani yang mengusahakan hemp sekaligus mengurangkan bekalannya bagi kegunaan dalam negara.

Kekeliruan dapat dilihat dari segi morfologi tanaman hemp. Secara umumnya kanabis dipecahkan kepada tiga spesis utama iaitu *C.Sativa*, *C.Indica* dan *C.Ruderalis* yang dikenal pasti melalui nisbah bahan kimia aktif dan tidak aktif, bentuk dedaun dan juga ketinggian pokok beza<sup>9</sup>. Untuk keluarga spesis *Sativa* pula ianya dipecahkan lagi kepada dua sub keluarga iaitu *Sativa Spotanea* (marijuana) yang mempunyai bahan terlarang yang tinggi yang dikenali sebagai Tetrahydrocannabinol (THC) dan *Sativa Culta* atau dikenali sebagai *C. Sativa (L)* atau hemp yang mempunyai THC yang sangat rendah<sup>10</sup>. Di sini dapat dilihat perbezaan yang ketara antara keluarga kanabis yang selama ini menimbulkan kekeliruan sebagai semuanya sama dan dianggap sebagai dadah. Hemp mempunyai kandungan THC yang sangat rendah berbanding spesis kanabis yang lain. Oleh itu perbezaan antara spesis kanabis perlu dilakukan supaya hemp dan kanabis yang lain tidak disalahertikan. Penilaian oleh mata kasar boleh dilakukan dengan mudah untuk mengenal pasti setiap perbezaan antara spesis pokok kanabis. Walaupun dilihat secara fizikal tanaman hemp dan marijuana nampak hampir sama, tetapi kedua-dua mempunyai beberapa perbezaan yang ketara. Dari segi daun, hemp mempunyai daun bercabang sembilan dan berbentuk lebih lonjong serta tirus. Manakala untuk marijuana mempunyai daun bercabang tujuh, lebih lebar serta mempunyai warna hijau tua kerana kandungan klorofil yang tinggi.

Selain itu, setiap spesis kanabis mengambil masa yang berbeza untuk mencapai tahap matang. Tanaman hemp mengambil masa hanya 3 hingga 4 bulan berbanding marijuana yang memerlukan 6

<sup>6</sup> Miroslav Tomoski, "Why America Is To Blame For Japan's Harsh Cannabis Laws", 8 Januari 2020, <https://herb.co/news/culture/japan-cannabis-marijuana-history/>

<sup>7</sup> JapanHemp, "The Law Of Hemp". 9/10/2017, <http://www.japanhemp.org/en/law.htm>.

<sup>8</sup> Julian Ryall, "Japan's Hemp Business Want To Distanse Itself From Image Of Narcotics", 26 Januari 2021, <https://www.dw.com/en/japans-hemp-business-wants-to-distance-itself-from-image-of-narcotics/a-56345992>

<sup>9</sup> John M. McPartland, "Cannabis Systematics At The Levels Of Family, Genus, and Species", *Cannabis And Cannabinoid Research* 3, no.1 (2018): 203-212, <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC6225593/>

<sup>10</sup> Brigitte Chabbert, Bernard Kurek & Olivier Beherec, *Hemp Industrial Production And Uses. Physiology And Botany Of Industrial Hemp*, (United Kingdom,CABI,2013) 27-47.

hingga 8 bulan. Dari segi ketinggian pula hemp boleh mencapai sehingga 15 kaki apabila matang berbanding marijuana hanya mencapai 8 kali. Dengan kadar pertumbuhan yang cepat, hemp menjadi pilihan tepat untuk tujuan perindustrian<sup>11</sup>. Untuk pengusahaan kertas umpamanya, setiap 3 bulan tanaman hemp mampu dituai dan tidak merosakkan alam sekitar kerana tanaman ini tidak memerlukan racun kimia yang tinggi.

Dari segi tujuan penanaman pula, antara bahagian utama yang diambil dari pokok hemp adalah batang, serat dan biji. Manakala marijuana pula diambil bunga. Kebiasaannya marijuana mempunyai banyak cabang untuk menghasilkan bunga yang banyak dan ditanam berjarak antara satu sama lain. Manakala hemp kurang bercabang kerana batang yang panjang dituai untuk menghasilkan produk yang lain. Tidak seperti marijuana, hemp ditanam lebih rapat bagi memaksimumkan jumlah pokok yang boleh ditanam dalam kawasan tanaman yang terhad.

Oleh itu, walaupun dari keluarga yang sama tetapi kedua spesis kanabis ini mempunyai kelainan dari segi kegunaan. Hemp banyak digunakan dalam pelbagai sektor termasuk dalam industri perubatan terutama penghasilan Cannabidiol (CBD) sehingga kepada industri kecil dan sederhana seperti kertas membuat *washi* iaitu sejenis kertas yang dibuat secara tradisional, barang-barang kosmetik, makanan untuk manusia seperti tepung hemp dan susu hemp, makanan haiwan, bahan binaan seperti dinding rumah dan atap rumah, industri perkapalan seperti pembuatan tali layar, industri automobil seperti membuat kesyen kereta, perabot, biodiesel, plastik dan pelbagai lagi sehinggakan dikenali sebagai '*Green Gold*'<sup>12</sup>. Manakala marijuana digunakan untuk menghasilkan THC dan CBD untuk tujuan perubatan dan juga rekreasi.

Kekeliruan juga wujud dalam istilah yang berbeza adalah dari segi definisi sebenar kanabis. Terdapat dua perkataan yang membawa maksud kanabis iaitu *taima* (大麻) dan satu lagi adalah *asa* (麻) yang bermaksud serat. Perkataan *taima* merangkumi keseluruhan keluarga kanabis. Kanji yang pertama (大) (*Oki/Dai/Tai*) membawa maksud sesuatu yang besar atau tinggi dan kanji kedua *ma* (麻) bermakna tumbuhan kecil atau pokok kecil<sup>13</sup>. Kanji *ma* dianggap sebagai simbol kesucian, keharmonian dan keselamatan dari semangat jahat kepada masyarakat Jepun dan agama Shinto. Namun, selepas *Taima Torishimari Hou* dikuatkuasakan, hubungan diversiti sosial yang akrab antara masyarakat Jepun dengan *taima* berubah secara drastik kerana ia dirujuk sebagai pokok untuk menghasilkan dadah. Oleh itu maksud perkataan ini berubah setelah Amerika Syarikat menduduki Jepun. Dengan kata lain, selepas tamat Perang Dunia Kedua, perkataan *taima* telah menjadi satu medium yang boleh merosakkan masyarakat Jepun bila ia dirujuk sebagai dadah dan bukan lagi pokok pelbagai kegunaan. Hemp yang dirujuk dengan perkataan *taima* menyebabkan masyarakat beranggapan ia sebagai kanabis dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Manakala perkataan *asa* (麻) pula yang merujuk kepada jenis pokok yang boleh menghasilkan serat. Walaupun menggunakan kanji yang sama seperti *ma*, tetapi sebutannya adalah berbeza. Antara contoh *asa* adalah hemp, ramie, jute, pokok sisal (*Agave Sisalana*, dimana daunnya dijadikan serat) dan lain-lain. *Asa* telah digunakan sejak 10,000 tahun lagi untuk membuat tali kapal, pakaian, dan *Shimenawa* iaitu tali besar yang tergantung di kuil Shinto. Dalam konteks bahasa Jepun kini, *asa* lebih tertumpu kepada serat yang datang dari tanaman hemp sahaja dan masyarakat Jepun memahami *asa* adalah hemp dan bukan marijuana. Istilah ini dapat diterima kerana Jepun buat masa itu banyak menghasilkan serat dari hemp selain dari jerami padi. Oleh itu penggunaan istilah adalah

---

<sup>11</sup>Fieke Dhondt, "The Future of Hemp Fibres Under Changing Climate Conditions", Amsterdam Fashion Institute (2020) : 20-37,

[https://www.researchgate.net/publication/343206322\\_The\\_Future\\_of\\_Hemp\\_Fibres\\_Under\\_Changing\\_Climate\\_Conditions](https://www.researchgate.net/publication/343206322_The_Future_of_Hemp_Fibres_Under_Changing_Climate_Conditions).

<sup>12</sup> Stephen Chen, "Green Gold : How China Quietly Grew Into A Cannabis Superpower", South China Morning Post, 27 Ogos 2021, <https://www.scmp.com/news/china/society/article/2108347/green-gold-how-china-quietly-grew-cannabis-superpower>

<sup>13</sup> Robert Clarke, Mark Merlin, Cannabis : Evolution and Ethnobotany. (United State, University Of California Press,2016), 96-100.

penting bagi membezakan kanabis dan hemp. Bagi kanabis, penggunaan istilah yang sesuai adalah *taima* dan bagi hemp pula adalah *asa*. Penggunaan istilah yang tepat adalah penting supaya tidak berlaku kekeliruan antara kanabis dan hemp.

Secara keseluruhannya pengkaji mendapati bahawa terdapat kekeliruan antara hemp dan marijuana kerana kedua-duanya diletakkan dalam keluarga yang sama, iaitu kanabis. Oleh sebab itu kawalan terhadap kedua-dua tanaman dikenakan supaya tidak mendatangkan masalah kepada Jepun, terutamanya berkaitan kesan dadah kepada masyarakat. Dasar anti kanabis yang dilaksanakan di Jepun telah menghalang kepada pengeksploitan tanaman tersebut sepenuhnya. Tanaman hemp bukan seperti marijuana yang boleh menyebabkan ketagihan dan masalah sosial. Sebaliknya ia adalah sejenis tanaman serba guna yang berpotensi besar untuk dimajukan dan mampu memberi pulangan tinggi kepada ekonomi negara amnya dan petani khususnya.

Bahagian berikutnya membincangkan produk yang boleh dihasilkan dari bahagian tanaman hemp iaitu serat, biji dan batang. Kepelbagaian produk yang dihasilkan dari bahagian-bahagian ini menunjukkan fleksibiliti dan potensi sumbangan kepada sumber ekonomi negara. Namun akibat kekangan dari *Taima Torishimari Ho* menyebabkan potensi tanaman tidak dapat dieksploitasi sepenuhnya. Oleh itu legalisasi sepenuhnya perlu dilakukan supaya potensi dapat dikembangkan.

## SERAT HEMP

Serat hemp penting kepada masyarakat Jepun sejak ribuan tahun dahulu sehingga kini. Pada zaman Jomon (7,000-10,000 Sebelum Masihi) pakaian dicipta daripada pelbagai sumber tumbuhan dan kulit haiwan termasuk daripada serat hemp. Pelbagai jenis pakaian direka mengikut ketebalan, kehalusan kesenian dan warna untuk kegunaan masyarakat. Contohnya pakaian daripada serat hemp digunakan oleh seluruh lapisan masyarakat termasuk orang awam, samurai, bangsawan dan juga maharaja. Oleh kerana tanaman hemp merupakan simbol kesucian, maka ianya dijadikan pakaian maharaja Jepun yang juga bertindak sebagai ketua agama Shinto. Keturunan keluarga Miki dari kepulauan Shikoku merupakan pembekal serat hemp berkualiti tinggi kepada keluarga maharaja dan telah berkhidmat hampir 1000 tahun. Pada masa sekarang, keluarga Miki yang merupakan generasi ke-28 mewarisi teknik penghasilan dan pembekal tunggal kepada istana dan kuil Shinto.<sup>14</sup>

Serat hemp dipilih sebagai bahan pakaian masyarakat Jepun kerana tanaman tersebut antara yang tercepat menghasilkan serat. Selain itu serat hemp menjadi pilihan kerana kekuatan dan ketahanannya kepada cuaca sejuk dan panas. Masyarakat Jepun menenun serat untuk dijadikan jaket luaran bagi mengangkat barangan yang berat supaya bahagian bahu mampu mengurangkan kesakitan. Bukan itu sahaja ketika musim sejuk jaket daripada serat hemp berfungsi untuk mengekalkan suhu badan supaya tidak kesejukan. Oleh sebab itu ia dituai sebelum musim luruh untuk dijadikan pakaian penahan haba sebelum perubahan cuaca kepada musim sejuk.

Pada zaman Edo kain diperbuat daripada serat hemp seratus peratus dan mempunyai tekstur lembut terbaik dikenali sebagai *takamiya fu* telah dihasilkan.<sup>15</sup> *Takamiya-fu* dihasilkan oleh syarikat Bunka Industrial Bag untuk digunakan oleh semua lapisan masyarakat. Disebabkan kain *takamiya fu* lebih lembut, ianya menjadi pilihan utama untuk dibuat *kimono* melalui kaedah *omi jofu* iaitu teknik tenunan menggunakan mesin tradisional. Kebanyakan pakaian *takamiya fu* ditenun di daerah Ohi (sekarang dikenali sebagai Prefektur Shiga) semasa era pemerintahan Edo di Jepun. Kerajaan Edo pada ketika itu aktif dan menyokong industri pembuatan *takamiya fu* sebagai pengeluar pakaian berasaskan hemp. Terdapat bahagian *kimono* diperbuat daripada hemp iaitu *obi* (tali pinggang).<sup>16</sup> Selain dipakai oleh golongan wanita, *kimono* yang selalu dipakai oleh golongan lelaki dikenali sebagai *yukata* pada

<sup>14</sup> Angela Jeffs, "Restoring Hemp to Natural Place in Japan's Culture", The Japan Times, 9 November 2002, <https://www.japantimes.co.jp/community/2002/11/09/general/restoring-hemp-to-natural-place-in-japans-culture/#.W86T79czblU>

<sup>15</sup> Anna Jackson, Japanese Country Textiles, (Amerika Syarikat, Univerisity of Michigan. V&A, 1997) 69.

<sup>16</sup> William J. Rathbun, Beyond the Tanabata Bridge, Traditional Japanese Textiles. (Washington, Seattle Art Museum, 1993), 100-150.

musim panas juga diperbuat daripada hemp. Ianya lebih nipis kerana hanya mengandungi satu lapisan sahaja dan tidak sesuai untuk majlis rasmi. *Kimono* jenis *yukata* mudah dijaga, selain tahan lasak dan tidak mudah rosak bila dibasuh berulang kali.

Walaupun pada setiap era di Jepun telah mengalami perubahan fesyen pakaian, namun serat hemp masih menjadi pilihan masyarakat. Malahan sesetengah pakaian dicampur dengan bahan lain seperti serat pokok rami dan kapas untuk mewujudkan tekstur pakaian yang berbeza. Selain itu pakaian yang diperbuat dari serat hemp mempunyai keunikan kerana bersifat anti-bakteria berbanding fabrik daripada bahan lain.

Dari segi ekonomi, selain mengeluarkan sendiri, Jepun mengimport benang hemp yang diperbuat daripada serat untuk dijadikan pakaian. Pada tahun 2020, sebanyak USD551 juta benang hemp telah diimport dari China<sup>17</sup>. Kadar ini merupakan pertambahan sebanyak 30 peratus berbanding tahun 2019 dengan nilai USD455 juta. Jepun banyak mengimport serat hemp dari negara luar, sedangkan mereka boleh memperluas dan memperbanyakkan lagi ladang-ladang hemp di seluruh negara untuk memenuhi permintaan dalam negara. Jika tanaman hemp dilegalisasikan sepenuhnya ia membolehkan Jepun mengurangkan kebergantungan serat dari negara luar dan seterusnya mengurangkan pengaliran keluar wang negara. Selain itu, sumber kewangan untuk mengimport serat hemp boleh salurkan kepada aktiviti pembangunan tanaman tersebut dan kemajuan penghasilan serat hemp tempatan.

## BIJI

Biji hemp juga boleh dipelbagaikan kegunaannya seperti untuk masakan dan produk lain seperti cat, dakwat, minyak biodiesel, kosmetik dan plastik. Dari segi bahan masakan, di Jepun terdapat tujuh jenis herba yang dicampur dikenali sebagai *shichimi togarashi* atau *nanami togarashi*. Tujuh bahan tersebut adalah daun perila, biji popi, halia, cili, jintan hitam, jintan putih dan biji hemp. Bahan herba ini boleh digantikan dengan bawang putih, kulit limau kering dan *nori* (rumpai laut kering).<sup>18</sup> *Shichimi togarashi* dalam masakan Jepun digunakan secara meluas seperti dalam udon, ramen, yakitori, tempura dan bahan perapan untuk daging dan ayam.<sup>19</sup> Tujuan *shichimi togarashi* adalah untuk menguatkan rasa masakan di samping mempunyai khasiat perubatan yang mampu merawat penyakit. Kebiasaannya *shichimi togarashi* dijual dalam bentuk serbuk bagi memudahkan untuk digunakan bersama masakan lain. *Shichimi togarashi* juga berfungsi untuk menaikkan rasa *umami* iaitu rasa masin dari *nori* atau rasa masam dari kulit lemon dan tidak perlu menambahkan perisa lain dalam masakan. Rasa *umami* sangat penting kerana makanan Jepun selalunya tidak terlalu berlemak, kurang gula dan kurang masin. Justeru menggunakan *shichimi togarashi* merupakan sesuatu yang sesuai bagi menggantikan gula dan garam. *Shichimi togarashi* menjadi elemen penting dalam masakan untuk menaikkan aroma masakan dan untuk menggambarkan identiti sebenar keaslian rempah yang dimiliki oleh masyarakat Jepun.

Selain *shichimi togarashi*, terdapat juga produk makanan berasaskan biji hemp seperti protein organik, tepung, bijirin dan minyak. Tepung hemp digunakan untuk membuat pelbagai jenis masakan dan kuih muih. Lebih menarik lagi, makanan berasaskan hemp bebas gluten, dan lengkap kerana mengandungi vitamin E, vitamin B1, vitamin B2, vitamin B6, vitamin D, kalsium, magnesium dan potasium<sup>20</sup>.

---

<sup>17</sup> TradeMap, True Hemp 'Cannabis Sativa L', Raw or Processed, But Not Spun, Tow And Waste True Hemp, (2019), [https://www.trademap.org/Country\\_SelProductCountry\\_TS.aspx?nvpm=1%7c392%7c%7c%7c5302%7c%7c%7c4%7c1%7c1%7c1%7c2%7c1%7c2%7c1%7c1%7c1](https://www.trademap.org/Country_SelProductCountry_TS.aspx?nvpm=1%7c392%7c%7c%7c5302%7c%7c%7c4%7c1%7c1%7c1%7c2%7c1%7c2%7c1%7c1%7c1).

<sup>18</sup> Aki Watanabe, Donburi: Delightful Japanese Meal in a Bowl, (Singapura, Marshall Cavendish International Asia Pte Ltd, 2013), 139-140.

<sup>19</sup> Aliza Green, The Magic of Spice Blends: A Guide to the Art, Science, and Lore of Combining Flavors, (Amerika Syarikat, Quarry Books, 2015), 40.

<sup>20</sup> Dan Brennan, "Hemp Seeds: Are They Good For You?", Web Md, 1 Januari 2020, <https://www.webmd.com/diet/hemp-seeds-good-for-you>

Manakala minyak biji hemp yang kaya dengan omega 3, 6, 9, lemak asid, besi dan lain-lain mineral yang sesuai untuk makanan kesihatan. Minyak biji hemp mudah diterima oleh masyarakat Jepun kerana banyak produk kesihatan sekarang mempunyai campuran minyak biji hemp dan dijual secara meluas. Pengguna utama produk tersebut adalah dalam kalangan masyarakat warga emas.

Potensi hemp sebagai makanan adalah sangat besar di mana laporan oleh Zion Market Research mendapati bahawa pada tahun 2020 pasaran makanan berasaskan hemp adalah sebanyak USD388.46 juta dan dijangkakan pada tahun 2027 akan meningkat sekitar USD544.93 juta di seluruh dunia. Selain minyak biji hemp untuk makanan kesihatan, bahan ini juga dipelbagaikan. Sejak tahun 1983 kajian minyak hemp sebagai biodiesel telah dilakukan di Amerika Syarikat.<sup>21</sup> Kajian ini diketuai oleh Grayson Singler yang menggunakan 100 peratus minyak biji hemp bagi kereta Mercedes-Benz 300TD. Kajian ini mendapati sekiranya penggunaan minyak biji hemp diperluaskan, ianya boleh menggantikan penggunaan diesel berasaskan fosil di Amerika Syarikat. Ini seterusnya boleh mengubah sumber ekonomi berasaskan minyak fosil kepada biodiesel. Malahan bagi menampung keperluan seluruh Amerika Syarikat, hanya 6 peratus keluasan tanah di negara tersebut diperlukan. Minyak biodiesel juga boleh memenuhi keperluan semua jenis pengangkutan yang ada di negara tersebut. Walau bagaimanapun, *National Biodiesel Board* belum menguji minyak biji hemp bagi menggantikan petroleum dan tidak mengesyorkan menggunakan hemp sebagai bahan api.

Di Jepun juga, kajian sedang dijalankan bagi membangunkan bahan api berasaskan minyak hemp untuk dijadikan sebagai biodiesel. Walau bagaimanapun bahan api ini masih dalam pemerhatian bagi tujuan merekodkan piawaian yang sama dengan diesel sedia ada sebelum dipasarkan. Kajian minyak hemp untuk biodiesel di Jepun diketuai oleh Yasunao Nakayama selaku pengarah *Jomon Energy Research Institute* dan bekerjasama dengan Eiji Akahoshi yang merupakan pengarah *NPO Biomass Industrial and Social Network*. Manakala kenderaan yang diuji telah dilancarkan pada tahun 2011 dan bergerak 4,100 km dari Bandar Hakodate ke Bandar Kitami, Hokkaido.<sup>22</sup>

**Jadual 1: Peratusan Nilai Import Minyak Biji Hemp Setiap Negara Bagi Tahun 2018-2019 (USD)**

Negara	2018		2019	
	Import	Jumlah (USD)	Import	Jumlah (USD)
Amerika Syarikat	28.1%	871.5 juta	28.7%	893.2 juta
Jerman	9.3%	230 juta	9.8%	240.9 juta
Jepun	5.9%	183.3 juta	6.7%	207.7 juta
Korea Selatan	5.8%	179.5 juta	5%	155.8 juta
Perancis	5.6%	175.1 juta	4.9%	152.7 juta
Itali	2.9%	90.2 juta	3.3%	102.1 juta
Australia	2.6%	79.8 juta	2.2%	67 juta
Kanada	2.6%	79.4 juta	2.6%	80.4 juta
China	2.5%	76.3 juta	2.6%	80.4 juta
United Kingdom	2.3%	71 juta	2.3%	71 juta

Sumber: World Top Export, Cannabis Oils Import By Country.  
<http://www.worldstopexports.com/cannabis-oils-imports-by-country/>

<sup>21</sup> Patrick Lynch, "Hemp Car Driver In No Rush For New Trip", Daily Press, 21 Julai 2003, <https://www.dailypress.com/news/dp-xpm-20030721-2003-07-21-0307210025-story.html>

<sup>22</sup> Hemp Industrial Hokkaido Association, "Hemp Car Project In Hokkaido", 7 Julai 2011, <https://hokkaido-hemp.net/en-hempcar.html>

Jadual 1 menunjukkan pengimportan minyak hemp sepanjang tahun 2018-2019. Kadar import ini mengambil kira negara yang membenarkan produk hemp dipasarkan di negara mereka. Amerika Syarikat mendominasi import minyak hemp yang bernilai USD871.5 juta pada tahun 2018 dan sebanyak USD893.2 juta pada 2019. Peningkatan import ini sejajar dengan penjanjian *Farm Bill* pada Disember 2018 yang telah menggugurkan hemp dari keluarga kanabis dalam undang-undang Amerika Syarikat. Jerman pula mengimport 9.3 peratus dengan nilai USD230 juta pada tahun 2018 dan meningkatkan import pada tahun 2019 kepada USD240 juta. Korea Selatan yang mengimport sebanyak USD175.9 juta pada tahun 2018 telah meningkatkan kadar import kepada USD207.7 juta pada tahun 2019. Peningkatan jumlah import di Korea Selatan adalah disebabkan oleh legalisasi oleh negara tersebut pada tahun 2018. Terdapat tiga negara yang menunjukkan penurunan dari segi import minyak hemp pada 2019 iaitu Jepun, Perancis dan Australia. Pengimportan minyak biji hemp oleh Jepun menurun dari USD183.3 juta kepada USD155.8 juta, manakala Perancis dari USD175.1 juta kepada USD152.7 juta pada tahun 2019, Australia dari USD79 juta kepada USD67 juta. Dari jumlah tersebut dapat dilihat aktiviti perdagangan minyak hemp adalah besar dan menguntungkan. Jepun yang terikat dengan *Taima Torishimari Ho* tidak dapat mengeluarkan hemp semaksimum mungkin yang boleh dieksport ke negara luar. Ini adalah satu kerugian kepada sumber ekonomi negara sedangkan banyak negara luar telah melegalisasikan tanaman tersebut.

## BATANG

Pada Julai sehingga Ogos iaitu pada musim panas setiap tahun akan diadakan pertunjukan bunga api yang dipanggil *hanabi*. *Hanabi* bermula di Edo (Tokyo) pada zaman pemerintahan Tokugawa Ieyasu yang bertujuan untuk meraikan roh orang yang telah meninggal dunia pada tahun-tahun sebelumnya di tepi Sungai Sumida. Oleh kerana pentingnya *hanabi* dalam masyarakat Jepun maka kerajaan mewujudkan sebuah muzium untuk mendedikasikan khas yang dipanggil Ryogoku Firework Museum. Oleh kerana batang hemp mudah didapati, maka ianya dijadikan arang untuk perantara antara karbaid dan belerang untuk bunga api meletup dengan sempurna, mengikut acuan yang telah ditetapkan.

Bukan itu sahaja, arang hemp juga digunakan dalam masakan dan industri makanan seperti roti, minuman penyahtoksik, coklat dan lain-lain. Di Kyoto, coklat berasaskan arang hemp telah diperkenalkan oleh syarikat Cacao Magic yang diberi nama '*asasumi butsuda*' yang bermaksud coklat arang hemp berkepala buddha yang dijual pada harga 1,500 yen.<sup>23</sup> Kafe yang bernama Koso Cafe di Kyoto turut menyediakan makanan berasaskan arang hemp yang digaul bersama nasi panas yang dijual dengan harga 2000 yen.

Dari batang hemp juga Cannabidiol (CBD) dapat dihasilkan, cuma ianya tidak sebanyak boleh didapati daripada bahagian bunga hemp. CBD merupakan bahan dari batang hemp yang bersifat tidak psikoaktif. Ini bermakna ia tidak mendatangkan euphoria kepada sesiapa yang mengambilnya. Pada masa sekarang CBD mendapat perhatian seluruh dunia berikutan kegunaannya dalam perubatan. Oleh kerana CBD dikaitkan dengan perubatan dan pemakanan kesihatan, maka kerajaan mengenakan garis panduan yang ketat ke atas barangan tersebut. Antaranya adalah larangan mencampurkan CBD dengan bahan larangan seperti THC yang bersifat psikoaktif. CBD juga mesti diambil daripada batang kerana daun dan bunga termasuk dalam kategori dadah. Kementerian Kesihatan, Buruh dan Kebajikan telah merangka panduan penjualan CBD di Jepun untuk memastikan produk-produk CBD sentiasa mematuhi perundangan. Pengimport mesti mempunyai sijil kandungan dan mengumumkan kandungan produk. Dalam memohon sijil, pengimport mesti dinyatakan nama syarikat dan produk serta kenyataan CBD adalah daripada batang hemp.<sup>24</sup>

<sup>23</sup> Casey Baseel, *Kyoto Confectioner Selling Hemp-Infused Buddha Head Chocolates*. 22 Januari 2016,

<https://japantoday.com/category/features/food/kyoto-confectioner-selling-hemp-infused-buddha-head-chocolates>

<sup>24</sup> Tomohiro Kurai, "Japanese Import Regulations For Industrial Hemp Products", U.S Department of Agriculture, 20 November 2020,



Dari segi perubatan, CBD mendapat perhatian untuk kajian lanjut berkenaan penyakit-penyakit terhadap manusia dan haiwan. Kajian pada tahun 2019 berkenaan CBD telah dilakukan di Jepun untuk penyakit berkaitan Gangguan Kecemasan Sosial (SAD). SAD merupakan satu penyakit mental di mana orang yang mengalaminya akan takut untuk bersosial kerana merasakan orang sekeliling akan menilai mereka secara tidak adil. Kesan daripada SAD boleh membawa kepada kemerosotan prestasi kerja, hilang keyakinan diri dan ketakutan untuk berurusan dengan orang rama<sup>25</sup>. Satu kajian oleh *Institutional Ethics Committee of Kyoto University* keatas 37 remaja berumur antara 18-19 tahun yang mengalami masalah *Seasonal Affective Disorder* (SAD) iaitu sejenis penyakit kemurungan telah dilakukan. Kajian tersebut dibahagikan 17 remaja yang diberi rawatan menggunakan CBD dan 20 remaja lagi menjalani rawatan plasebo iaitu satu kaedah rawatan yang tidak mempunyai nilai terapeutik.<sup>26</sup> Pemantauan berkala dilakukan ke atas calon yang menerima CBD oleh pakar psikiatri setiap hari untuk melihat perkembangan pesakit. Kajian mendapati 17 remaja yang mengambil CBD sebanyak 300 mg setiap hari selama enam bulan menunjukkan perubahan positif dan mula berani untuk bersosial dengan masyarakat. Kajian ini sangat bermanfaat kerana dianggarkan remaja Jepun yang mengalami masalah SAD adalah seramai 1 juta orang. Penyakit SAD bermula dari umur 5 hingga 12 tahun dan jika tidak dirawat akan berlarutan sehingga mereka dewasa. Kajian diteruskan lagi untuk satu jangka masa yang lebih panjang bertujuan ini untuk mengumpul lebih banyak data dan boleh digunakan untuk kajian lanjut berkenaan penyakit mental yang lain.

Manakala pada tahun 2020, kajian CBD juga dilakukan kepada merawat pesakit COVID-19. Saintis di *Medical College of Georgia* mendapati bahawa CBD boleh merawat pesakit-pesakit COVID-19. Pakar imunologi Babak Baban<sup>27</sup> menegaskan bahawa penyakit COVID-19 adalah hampir sama dengan virus SARS yang pernah menyerang dunia dan kaedah rawatan terbaik adalah menggunakan CBD. Beliau juga mendapati CBD mampu membantu paru-paru pulih dari keradangan akibat serangan virus dan kenyataan ini disokong oleh Jack Yu<sup>28</sup> iaitu pakar pembedahan plastik pediatrik di kolej yang sama.

Pada tahun 2021, kerajaan Jepun membenarkan atlet dari seluruh dunia yang menyertai sukan Olimpik Tokyo 2020 menggunakan CBD. Ini adalah kali pertama dalam sejarah Olimpik sejak 125 tahun yang membenarkan penggunaan CBD.<sup>29</sup> Ini berikutan *World Anti-Doping Agency* (WADA) telah mengeluarkan CBD daripada akta dadah dunia tetapi tidak bagi kanabinoid yang lain pada tahun 2018. Perubahan dasar ini telah memberi kelebihan kepada para atlet profesional untuk mendapatkan rawatan dan makanan tambahan ketika menjalani latihan. Selepas WADA mengumumkan bahawa CBD bukan dadah, ianya menjadi popular dalam kalangan para atlet untuk digunakan secara harian. Para atlet menggunakan CBD untuk tujuan memulihkan kesakitan otot dan sendi, sebagai bahan menghilangkan tekanan dan sebagai bahan tambahan tenaga. Produk CBD untuk atlet disediakan dalam pelbagai bentuk seperti krim balm, minyak dan gula-gula di mana mempunyai CBD tidak lebih daripada 3 peratus atau kurang daripada itu.

---

[https://apps.fas.usda.gov/newgainapi/api/Report/DownloadReportByFileName?fileName=Japanese%20Import%20Regulations%20for%20Industrial%20Hemp%20Products\\_Tokyo\\_Japan\\_11-20-2020](https://apps.fas.usda.gov/newgainapi/api/Report/DownloadReportByFileName?fileName=Japanese%20Import%20Regulations%20for%20Industrial%20Hemp%20Products_Tokyo_Japan_11-20-2020)

<sup>25</sup> Stefan G.Hofman & P.M DiBartolo, *Social Anxiety : Clinical, Developmental and Social Perspectives : Third Edition*, Research Gate, 12 Januari 2014,

[https://www.researchgate.net/publication/291966615\\_Social\\_Anxiety\\_Clinical\\_Developmental\\_and\\_Social\\_Perspectives\\_Third\\_Edition](https://www.researchgate.net/publication/291966615_Social_Anxiety_Clinical_Developmental_and_Social_Perspectives_Third_Edition)

<sup>26</sup> Nobuo Masakata, Anxiolytic Effects of Repeated Cannabidiol Treatment in Teenagers With Social Anxiety Disorders, *Frontiers In Psychology* 10, no.2466(2019), <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC6856203/>

<sup>27</sup> Medical Cannabis Network, "CBD Reduces COVID-19 Lung Damage With Protective Peptides", *Health Europa*, 21 Oktober 2020, <https://www.healtheuropa.eu/cbd-reduces-covid-19-lung-damage-with-protective-peptides/103374/>

<sup>28</sup> Idib

<sup>29</sup> A.J Herrington, Cannabis Takes The World Stage At The Tokyo Olympics, *Forbes*, 21 Julai 2021, <https://www.forbes.com/sites/ajherrington/2021/07/21/cannabis-takes-the-world-stage-at-the-tokyo-olympics/?sh=34e5a0f24cb7>

Perkara ini mengubah perspektif kerajaan Jepun terhadap CBD yang mampu membantu para atlet melegakan kesakitan otot, ketidakstabilan emosi ketika dalam latihan sukan dan membantu mendapatkan tidur yang berkualiti. Walaupun para atlet dibenarkan menggunakan CBD, tetapi mereka diminta untuk sentiasa berhati-hati terhadap produk yang diambil supaya tidak mengandungi sebarang THC yang menyebabkan mereka gagal dalam ujian saringan sebelum memasuki pertandingan. Para atlet telah dicadangkan mengambil CBD yang tidak dicampur dengan mana-mana bahan lain. Antara atlet yang menggunakan CBD di Olimpik Tokyo adalah Megan Rapinoe yang merupakan atlet bola sepak Amerika Syarikat. Penggunaan CBD oleh Megan setiap hari adalah untuk mengurangkan kesakitan otot dan memberikan tidur yang selesa<sup>30</sup>.

Walaupun CBD dibenar untuk diguna tetapi dasar kerajaan melarang petani atau mana-mana syarikat tempatan memproses CBD. Peraturan begini dilihat tidak memberi keuntungan kepada petani hemp kerana CBD merupakan satu produk dari hemp yang menguntungkan. Jika legalisasi sepenuhnya dilaksanakan, petani mendapat satu lagi sumber pendapatan dan mampu mengurangkan kebergantungan daripada syarikat luar untuk mendapatkan bekalan. Ini merupakan satu kerugian kepada kerajaan walaupun mereka boleh membangunkan sendiri produk berasaskan CBD dan membantu petani-petani hemp untuk mengembangkan ekonomi masing-masing. Oleh itu keterbukaan kerajaan Jepun menerima CBD yang tidak mempunyai THC perlu dipuji walaupun situasi sebenar petani hemp tidak dibenarkan mengeluarkan CBD sendiri. Oleh itu produk CBD yang ada dalam pasaran Jepun adalah daripada syarikat asing. CBD kali pertama memasuki pasaran Jepun pada tahun 2017 apabila syarikat Elixinol Global Limited dari Australia menyuntik modal USD22 bilion untuk memastikan pasaran CBD di Jepun mencukupi. Sejak itu setiap tahun akan ada syarikat baharu berjaya menembusi pasaran Jepun. Pada tahun 2019, syarikat yang mendapat kebenaran adalah New Age yang berpangkalan di Colorado, Amerika Syarikat.

Kajian perubatan sebegini sememangnya mendatangkan manfaat kepada Jepun jika dilegalisasikan hemp sepenuhnya. Legalisasi membolehkan penerokaan potensi hemp yang seterusnya diterjemahkan kepada pembukaan peluang perniagaan berasaskan yang lebih luas. Ini juga merupakan peluang menjana kewangan kepada kerajaan sekiranya menjual atau membekalkan CBD kepada hospital atau klinik untuk merawat pesakit. Kerajaan Jepun juga boleh bekerjasama dengan petani untuk menanam dan menjual batang hemp untuk menghasilkan CBD, sekaligus dapat menjana ekonomi petani. Tindakan ini amat sesuai ketika pandemik COVID-19 yang menjejaskan pendapatan negara.

## SUMBANGAN KEPADA EKONOMI

Legalisasi sepenuhnya tanaman hemp berpotensi memberi impak kepada negara dan salah satunya adalah dari segi ekonomi. Seperti produk yang lain, hemp juga boleh menyumbangkan kepada pendapatan cukai yang tinggi seperti yang dilakukan di California, Amerika Syarikat. Mengikut *California Department of Tax Administration*, tanaman hemp telah memberi pulangan cukai sebanyak USD304.8 juta yang merangkumi cukai eksais (barangan import atau dikilangkan), sebanyak USD157.8 juta untuk cukai penanaman, sebanyak USD39.2 juta untuk cukai jualan pada suku tahun pertama 2021. Manakala pada suku tahunan kedua 2021 sebanyak USD333.2 juta secara keseluruhan dan pecahan cukai terdiri daripada cukai eksais bernilai USD172.3 juta, cukai tanaman berjumlah USD40.4 juta dan cukai jualan bernilai USD120.5 juta.<sup>31</sup>

---

<sup>30</sup> Vaneesa Romo, "As Megan Rapinoe Promote CBD Use, Sha'Carri Richardson Sits Out The Olympics", NPR, 28 Julai 2021. <https://www.npr.org/sections/tokyo-olympics-live-updates/2021/07/28/1021545034/megan-rapinoe-cbd-shacarri-richardson-tokyo-olympics>. Diakses pada 30/12/2021

<sup>31</sup> California Department of Tax Administration, "California Department of Tax And Fee Administration Report Cannabis Tax Revenues For The 2<sup>nd</sup> Quarter of 2021", CDTFA, 20 Ogos 2021, <https://www.cdtfa.ca.gov/news/21-08.htm>

Di Jepun pelbagai pendapatan dapat dijana dari tanaman hemp jika legalisasi sepenuhnya. Contohnya cukai boleh dikenakan terhadap produk hemp yang diimport dari beberapa negara seperti China, Bangladesh dan Australia. Selain itu syarikat-syarikat asing yang diberikan lesen yang sah dan pekerja mereka juga boleh dikenakan cukai. Hasil dari pendapatan ini, kerajaan boleh menambah baik pertanian yang melibatkan tanaman hemp. Legalisasi hemp sepenuhnya, mampu menarik minat pelancong untuk datang ke Jepun dengan memperkenalkan lebih banyak pusat penanaman hemp dan memperkenalkan produk-produk hemp tempatan kepada pelancong asing.

Jepun telah mencatatkan penyusutan pertumbuhan ekonomi yang pantas selama enam tahun sehingga Disember 2020 iaitu sebanyak 4.8 peratus.<sup>32</sup> Keadaan ini diburukkan lagi pada zaman pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia yang menyebabkan banyak sektor ekonomi lumpuh. Oleh itu adalah sesuai untuk kerajaan Jepun melegalisasikan hemp untuk memulihkan kembali ekonomi dengan lebih cepat memandangkan potensi ekonomi yang ada pada tanaman tersebut.

Selain itu legalisasi tanaman hemp juga dapat membantu mencipta peluang pekerjaan. Pada tahun 2017-2018 peluang pekerjaan dalam tanaman hemp di Amerika Syarikat telah meningkat sebanyak 44 peratus iaitu 122,800 pada tahun 2017 dan 149,300 pada tahun 2018. Pada tahun 2019, legalisasi tanaman hemp terus meningkatkan peluang pekerjaan sehingga 211,000.<sup>33</sup> Pada tahun 2020 pula peluang pekerjaan meningkat kepada 243,700. Peningkatan peluang pekerjaan adalah dalam sektor penanaman dan perkilangan, pemakanan, penghantaran dan juga pemasaran. Ini menunjukkan bahawa hemp mampu menjana pendapatan isi rumah rakyat tempatan melalui peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Melihat kepada peluang pekerjaan yang dapat ditawarkan hasil legalisasi sepenuhnya di Amerika Syarikat, Jepun perlu melegalisasikan segera supaya dapat menawarkan peluang pekerjaan yang sama. Berikutan pandemik Covid-19 yang menyerang dunia pada akhir tahun 2019 menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan. Kadar pengangguran di Jepun juga meningkat sebanyak 2.9 peratus pada Mei 2020 berbanding 2.6 peratus pada April 2020.<sup>34</sup> Sebagai contoh, seorang petani hemp iaitu Hidetaro Funayama membuka perusahaan berasaskan serat hemp di Hokkaido. Produk yang dikeluarkan adalah kertas '*washi*' Jepun, penebat haba, minyak goreng berasaskan hemp. Perusahaan berasaskan hemp telah membuktikan bahawa tanaman tersebut mampu memberi pendapatan yang baik di samping mampu membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Funayama mengatakan terdapat banyak peluang pekerjaan mampu dibuka jika hemp dilegalisasikan sepenuhnya.<sup>35</sup>

Tanaman hemp ini mempunyai kebolehpasaran yang meluas dan pelbagai produk dapat dihasilkan untuk memenuhi permintaan pasaran dunia, seharusnya kerajaan Jepun membuka peluang ini. Bukan itu sahaja, galakkan sepatutnya diberikan kepada golongan muda di bandar untuk menceburi dua bidang besar yang melihatkan hemp iaitu pertanian dan industri penghasilan produk.

Dengan legalisasi sepenuhnya membolehkan kajian potensi terhadap komponen-komponen kimia di dalam hemp juga boleh dibuat dengan meluas dan cepat. Pada masa sekarang, kerajaan Jepun hanya memberi permit kepada mana-mana penyelidik di bawah universiti menjalankan kajian berkenaan kanabinoid. Selain itu kerajaan Jepun hanya membenarkan kajian makmal sahaja dan tidak dibenarkan membuat kajian klinikal ke atas manusia. Sekiranya legalisasi sepenuhnya dilakukan, kajian-kajian dalam bidang ini akan berkembang lebih meluas dan mampu untuk menyelesaikan masalah kesihatan yang dialami oleh rakyat Jepun. Bukan itu sahaja, kajian tanaman hem mampu

---

<sup>32</sup> BBC NEWS, "Japan Economy Shrinks 4.8% In 2020 Due To Covid", BBC, 15 Februari 2020, <https://www.bbc.com/news/business-56066065>

<sup>33</sup> Kevin Murphy, "Cannabis Is Becoming A Huge Job Creator", Forbes, 20 May 2019, <https://www.forbes.com/sites/kevinmurphy/2019/05/20/cannabis-is-becoming-a-huge-job-creator/?sh=184bbac849bf>

<sup>34</sup> Trading Economy, "Japan Unemployment Rate", Trading Economy, April 2020, <https://tradingeconomics.com/japan/unemployment-rate>

<sup>35</sup> Akiko Koga, "Industrial Uses Targeted For Hemp", The Japan Times, 19 Februari 2009, <https://www.japantimes.co.jp/news/2009/02/19/national/industrial-uses-targeted-for-hemp/>

mengubah paradigma masyarakat berkenaan isu hemp di Jepun. Ini kerana pengetahuan masyarakat Jepun berkenaan isu hemp kurang diberi perhatian terutama dalam sistem pendidikan.

Sehingga tahun 2019 terdapat 229 kajian yang melibatkan kanabinoid<sup>36</sup>. Walau bagaimanapun didapati antara tahun 2014-2019 kurang penyelidikan dibuat terhadap kesan CBD ke atas penyakit manusia kerana kekurangan dana dan tidak mendapat sokongan dari kerajaan Jepun untuk melakukan kajian klinikal serta faktor untuk mendapatkan lesen penyelidikan amat susah di Jepun. Terdapat beberapa badan dan orang perseorangan yang melakukan kajian berkaitan CBD di Jepun dengan tujuan utama untuk memberikan kesedaran kepada kerajaan khususnya dan masyarakat tentang kebaikan tanaman hemp yang selama ini dianggap sebagai dadah oleh kebanyakan negara termasuk Jepun.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, terdapat kekeliruan dalam tanaman hemp yang menyebabkan ia diletakkan dalam satu keluarga dengan marijuana dalam *Taima Torishimari Hou 1948*. Tanaman hemp telah lama berada dalam industri pertanian Jepun dan ia telah terbukti tidak mendatangkan kerosakan sosial kepada penggunaannya. Ini kerana ia bukanlah dadah seperti marijuana. Oleh kerana ianya dikawal oleh *Taima Torishimari Hou 1948*, maka pengeluaran dan penggunaannya secara maksimum telah tersekat. Kesannya, Jepun ketinggalan dari negara-negara lain yang telah memberi kelonggaran dari segi perundangan bagi memastikan tanaman hemp dilestarikan untuk memenuhi permintaan dalam dan luar negara. Jepun juga tidak dapat manfaat sepenuhnya kesan tidak melegalisasi sepenuhnya tanaman hemp. Ini terutamanya kerugian dari segi ekonomi dan peluang pekerjaan yang mampu diberikan kepada rakyat.

Kerajaan Jepun sebagai pembuat dan pelaksana dasar perlu melakukan perubahan dengan membuat pindaan terhadap *Taima Torishimari Hou* supaya hemp dapat dilegalisasikan sepenuhnya. Legalisasi sepenuhnya dapat memberi peluang kepada pengeksploitasian potensi hemp pada masa hadapan. Legalisasi sepenuhnya juga dapat membantu rakyat Jepun menerokai bidang pekerjaan baharu dan mampu memberi pulangan yang berbaloi untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka. Oleh sebab itu pada tahun 2017-2018 telah dilancarkan kempen kesedaran tanaman hemp oleh Akie Abe dan juga NGO yang memperjuangkan legalisasi sepenuhnya dengan mengadakan *Hemp Forum Kyoto 2017*. Pada 2019 semakin banyak pihak terlibat dalam isu tanaman hemp yang menunjukkan masyarakat Jepun semakin menerima baik tanaman hemp tersebut sebagai produk yang bukan berunsur dadah.

Artikel ini mampu memberi manfaat dengan membuka mata banyak pihak supaya melihat kembali perundangan negara masing-masing terhadap isu tanaman hemp yang diletakkan dalam akta kanabis. Supaya berlakunya pengasingan antara dua jenis kanabis dan tidak menghukum mereka yang tidak sepatutnya. Artikel ini memberi manfaat dari segi membuka minda tentang kebaikan tanaman hemp dalam aspek pembangunan ekonomi negara, ini kerana semakin banyak negara yang telah mengembangkan tanaman hemp ke peringkat dijadikan industri besar. Dengan adanya artikel ini, diharapkan menjadi permulaan terhadap kajian-kajian lain dari sudut yang berbeza untuk memberi lebih kefahaman mendalam terhadap tanaman hemp dimasa akan datang terutamanya dalam sudut kajian perubatan, industri tekstil, pembinaan bangunan dan lain-lain.

## Rujukan

Amamiya Masayoshi, "Japan Economy And Monetary Policy," 21 Julai 2021,

[https://www.boj.or.jp/en/announcements/press/koen\\_2021/data/ko210721a1.pdf](https://www.boj.or.jp/en/announcements/press/koen_2021/data/ko210721a1.pdf).

Allen G.C, *A Short Economic History of Modern Japan 1881-1914*, Volume 1, (United Kingdom, Psychology Press. 2003).63-80.

Ashak Mahmud Parez, Jonathan David Lewis, Muhammad T.Afzal, "Potential Of Industrial Hemp

---

<sup>36</sup> Idib

- (Cannabis Sativa L.) For Bioenergy Production In Canada: Status, Challenges And Outlook,” Volume.141 (2021), <https://doi.org/10.1016/j.rser.2021.110784>
- Carl Mosk, Japanese Economic Development : Markets, Norms, Structures. (Kanada,Routledge. 2007)
- Eiji, Akahoshi,. *ヘンプ読本: 麻でエコ生活のススメ (Hemp reader : Recommended for eco friendly life with hemp.* ( Japan,Tsukiji Shokan Co, Ltd, 2006).
- Gary W.Crawford . “Advances in Understanding Early Agriculture in Japan,” *The University of Chicago Press Journal* 52, no.S4 (2011).
- Grace, Shao, “Medical Cannabis Is Gaining Momentum In Asia,” 14 Julai 2019. <https://www.cnbc.com/2019/07/15/medical-cannabis-is-gaining-momentum-in-asia.html>.
- Eric, Thompson. Mark, C.Berger. Steven, N. Allen, “Economic Impact of Industrial Hemp In Kentucky,” Julai 1998. <https://hempmarijuanalaw.com/wp-content/uploads/2019/03/Economic-Impacct-of-Industrial-Hemp-in-Kentucky-1998.pdf>.
- Hemp Today, “*Hemp Stakeholders In Japan Launch Strategy For Industry Revival,*” 8 Julai 2019. <https://hemptoday.net/japan-hemp-revival/>.
- Julian, Ryall, “*Japan’s Hemp Business Wants To Distance Itself From Image Of Narcotics,*” 27 Januari, 2021. <https://international.thenewslens.com/article/146562>.
- Johann, Hari, “Japan, The Place With Strangest Drug Debate In The World”. 11 Mei 2018. <https://www.opendemocracy.net/en/japan-place-with-strangest-drug-debate-in-world/>.
- Jonathan,P. Caulkins, Beau Kilmer & Mark A.R Kleiman, *Marijuana Legalization : What Everyone Needs to Know.* (Oxford, Oxford University Press, 2016).
- Kana, Inagaki. *Corporate Japan Needs Chance To Have A View On Cannabis Boom.* 5 June 2019. <https://www.ft.com/content/50fa13e0-86a9-11e9-a028-86cea8523dc2>.
- Kathryn, Brown, “ Medical Marijuana, Inc. Celebrates Largest Revenue Month For Japan Division of Subsidiary Kannaway And Manufacturing,” 11 Oktober 2021. <https://www.bloomberg.com/press-releases/2021-10-11/medical-marijuana-inc-celebrates-largest-revenue-month-for-japan-division-of-subsidiary-kannaway-and-manufacturing>.
- Heita, Kawakatsu & John, Latham. *Japaneses Industrialization And The Asian Economy.* Routledge. 1994.
- Lester, Russell, Brown, *The Japanese Agricultural Economy.* University of Illinois at Urbana: Economic Reseach Service, U.S Department of Agriculture.1961.
- Luke, Mahoney, “*Does Hemp Have Home In Japan?,*” 25 June, 2020. <https://japantoday.com/category/features/opinions/does-hemp-have-a-home-in-japan>.
- Logan Yonavjak, “*Indusrial Hemp : A Win-Win For The Economy And The Enviroment,*” 29 Mei, 2013 . <https://www.forbes.com/sites/ashoka/2013/05/29/industrial-hemp-a-win-win-for-the-economy-and-the-environment/?sh=2bf115a6289b>.
- Marc Davis, “Japan’s Conservatice Attitude To Cannabis Is Softening,” 6 Ogos 2019. <https://www.cityam.com/japan-attitude-to-cannabis-is-changing/>.
- Masato, Shizume, “*The Japanese Economy During The Interwar Period : Instability In The Financial System And Impact Of The World Depression,*” May 2009. [https://www.boj.or.jp/en/research/wps\\_rev/rev\\_2009/data/rev09e02.pdf](https://www.boj.or.jp/en/research/wps_rev/rev_2009/data/rev09e02.pdf).
- Michael, Smitka, *The Interwar Economy of Japan: Colonialism, Depression, and Recovery, 1910 -1940, Volume.2.* (Washington, Taylor & Francis,1998).
- Moon, Y.H, “Reviews For Legislation of Industrial Hemp Regulation: The Proposal of Legislate Industrial Hemp (Cannabis Sativa L.) And Their Research Review and Regulations in Korea (2008),” *AGRIS* 3, (2010): 203-210.
- Nadra, O.Hashim, *Hemp and the Global Economy: The Rise of Labor, Innovation, and Trade,* (United State, Lexington Books, 2017).
- Penny, Francks, “*Japanese Economic Development: Theory and Practice.* Routledge. 2015

U.S Department Of Agriculture. *Japan: Japanese Import Regulations For Industrial Hemp Products*,” 20 November 2020, <https://www.fas.usda.gov/data/japan-japanese-import-regulations-industrial-hemp-products/>

United State, Department of State. Office Of Intelligence Research And Analysis. *The Place of Foreign Trade In The Japanese Economy*.Volume 1-2, ( Berkeley,University of California, 2017).

Wolf, Mendl, Japan And South East Asia: From To Meiji Restoration to 1945. (United State,Taylor & Francis, 2001).